

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@mediaprima.com.my

Terjunan emas Mun Yee

Personaliti Varsiti kali ini baru saja meraih pingat perak menerusi acara 10 meter (m) platform seirama apabila mengumpul 322.20 mata di Siri Dunia Terjun di Edinburgh, Scotland minggu lalu bersama gandingannya, Pandelela Rinong.



Mun Yee (kiri) bersama pasukan terjun Malaysia di Sukan Universiti ASEAN ke-16 di Laos, tahun lalu.

» Ikon Varsiti BH kategori **sukan** menerusi acara platform

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Leong Mun Yee, 28, memulakan karier di Sukan Olimpik sejak berusia 15 tahun lagi menjadikan beliau atlet wanita pertama negara ini yang bersaing dalam empat kejohanan Olimpik.

Anak kelahiran Ipoh, Perak ini lebih fokus bertanding dalam acara individu dalam tiga olimpik pada tahun 2000, 2004 dan 2008. Kini beliau dilihat lebih menyerlah dalam acara terjun seirama bersama Pandalela yang sudah terbukti membawa beberapa kejayaan di kejohanan besar.

Mun Yee yang juga penerima Ikon Varsiti BH 2012 kategori Individu (Sukan), berkata anugerah Ikon Varsiti yang diterimanya itu menjadi penyuntik semangat buatnya untuk beraksi lebih cemerlang pada masa akan datang.

Motivasi diri

"Anugerah ini memberi motivasi kepada diri saya untuk meningkatkan prestasi sekali gus ia menarik minat lebih ramai belia untuk lebih aktif dalam bidang sukan."

"Ikon Varsiti adalah anugerah berbeza dengan pengiktirafan yang saya terima selama ini kerana ia bukan penghargaan khusus bagi atlet sukan saji tetapi banyak kategori lain."

"Saya gembira kerana pihak media dapat memberi

PROFIL

Nama: Leong Mun Yee
Tarikh Lahir: 4 Disember 1984
Pengajian: Ijazah Sarjana Muda Pengajian Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)
Sebahagian daripada pencapaian/anugerah pernah diterima:

- Ikon Varsiti BH 2012 (Sukan)
- Olahragawati Terbaik Majlis Sukan Universiti Malaysia 2011
- Olahragawati Perak 2001, 2003, 2009 dan 2011
- Pingat emas dalam acara 1m papan anjal individu wanita Sukan Universiti ASEAN 2012
- Pingat Gangsa acara 10m platform seirama Kejohanan Dunia, Rome 2009
- Pingat Perak 10m platform seirama di Siri Dunia Terjun, Beijing 2011 dan Edinburgh 2013
- Pingat Perak 3m dan 10m platform seirama Sukan Asia, Guangzhou 2010
- Pingat Gangsa 3m platform dan 3m platform seirama Sukan Asia, Doha 2006
- Pingat Gangsa 3m platform seirama Sukan Asia, Busan 2002
- Pingat Perak 10m m platform seirama Sukan Komanwel, Delhi 2010
- Pingat Gangsa 10m platform seirama Sukan Universiti Dunia, Shenzhen 2011

perhatian serta majlis penghargaan seperti ini kepada pelajar," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Ikon Varsiti BH 2012, di ibu kota, baru-baru ini.

Mengulas mengenai pengajiannya di UPM, Mun Yee berkata, tahun ini beliau akan cuba menamatkannya untuk memberi tumpuan kepada Olimpik 2016 di Rio selepas itu.

Katanya, pelajaran tetap menjadi keutamaan dan sudah tiba masanya beliau fokus kepada pengajiannya.

Sibuk

"Sebelum ini saya banyak menangguhkan pengajian kerana sibuk menyertai kejohanan sukan, justeru, saya cuba untuk belajar dan tamatkan pengajian tahun ini."

"Bagaimanapun, jika jurulatih masih memerlukan saya dalam mana-mana kejohanan utama, saya tidak akan menolaknya."

"Banyak kejohanan penting pada 2014, lebih-lebih lagi saya ingin merangkul pingat Sukan Komanwel, Sukan Asia selain melayakkan diri ke Olimpik Rio 2016 yang pusingan kelayakannya turut diadakan tahun depan," katanya.

Mun Yee berkata, kegalan merangkul pingat di Olimpik London tahun lalu turut menaikkan semangatnya untuk lebih fokus kepada Olimpik Rio 2016.

ikon
VARSITI BH

IKON VARSITI BH

2012
HADIAH UTAMA
KATEGORI INDIVIDU
SUKEAN
RM2,000

Dengan kerjasama:



Pengarang
BH
Berita Harian

